

31 OCT 1996

ALIRAN MENURUN RINGGIT TIDAK PERLU DIBIMBANGKAN

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Kedudukan ringgit yang mengalami sedikit aliran menurun berbanding dolar Amerika sekarang tidak perlu dibimbangkan kerana mata wang Amerika itu memang mendapat permintaan tinggi di mana-mana juga ketika ini, kata seorang peniaga tukaran asing yang berpengalaman hari ini.

"Sebenarnya perkara itu berlaku setiap penghujung tahun," jelas beliau kepada Bernama ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri tengah hari ini mengenai kejatuhan berterusan ringgit sepanjang minggu ini.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kejatuhan mendadak yang dialami oleh ringgit bukan berpunca daripada ugutan Amerika untuk mengambil tindakan berhubung urusan niaga yang dijalankan oleh Petronas dengan Iran.

Beliau berkata sebenarnya kenaikan dolar berpunca daripada jangkaan bahawa Presiden Bill Clinton akan dipilih semula sebagai presiden Amerika dalam pilihan raya November ini.

Peniaga itu berpendapat dolar mendapat tawaran belian yang baik sekarang kerana sebahagian besar syarikat gergasi Amerika dan Eropah menghantar pulang jumlah keuntungan yang besar ke negara asal masing-masing sebagai persediaan menutup akaun perniagaan masing-masing 31 Disember ini.

"Sebab itulah mereka perlu membeli sebanyak mungkin dolar berbanding mata wang utama lain," jelas beliau sambil menambah bahawa di peringkat tempatan, permintaan terhadap dolar Amerika muncul bukan saja kerana penghantaran balik keuntungan tetapi juga disebabkan oleh kegiatan pembayaran balik hutang.

Ringgit terus mengalami aliran menurun berbanding dolar Amerika, jatuh 0.77 peratus kepada 2.5295/05 pada pembukaan hari ini berbanding penutupan pada Isnin pada 2.5100/10. Paras tertinggi yang dicatat oleh ringgit hari ini ialah 2.5330 iaitu pada pukul 4.00 petang.

Peniaga berkenaan juga tidak menolak kemungkinan dolar akan menerima lebih banyak permintaan sehingga awal bulan depan kerana terdapat jangkaan bahawa Clinton akan dipilih semula sebagai presiden Amerika.

"Mungkin ringgit akan mengukuh setelah selesai pilihan raya di negara itu dan peniaga akan kembali menjual dolar untuk mengaut keuntungan sebagai persediaan untuk langkah seterusnya," jelas beliau.

Tekanan terhadap ringgit juga dikesan pada Selasa berikutan kenyataan yang dibuat oleh Penolong Gabenor Bank Negara, Dr Zeti Akhtar Abdul Aziz bahawa bank pusat mungkin mengenakan lebih banyak sekatan bagi menghalang kemasukan "wang panas" ke negara ini melalui kegiatan spekulasi pasaran tukaran asing. -- BERNAMA

RIZ DIN/sia